

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 14/4/2013 |

Sudah kenal baru celik mata

SATU fenomena yang kita lihat menjelang PRU 13 ialah pemisahan dari parti Pas, PKR dan DAP begitu ramai dari orang kuat mereka. Ia bermula dengan Chandra Muzaffar, Timbalan Presiden Keadilan dan Zainur Zakaria beberapa tahun dahulu. Sejak itu satu demi satu pemimpin parti-parti ini telah letak jawatan dan menjauhkan diri dari parti. Ada yang dengan lantang mengancam parti dan mendedah keburukan parti yang disertai oleh mereka dahulu.

Di antara yang berpisah dari PKR ialah Zulkifli Noordin, Ruslan Kassim, Zahrain Hashim, Wee Choo Keong, Ezam Mohd Noor, Marina Yusof, Aminah Abdullah, Tan Tee Beng, Nallakaruppan, Saidatul Said Keruk dan lain-lain. Dari DAP yang meninggalkannya ialah Tunku Abdul Aziz dan beberapa lagi. Dari Pas, Ismail Mina, C.N Afghani, Dr. Hassan Ali, ulama-ulama pondok di Kelantan dan ramai lagi.

Ahli-ahli biasa juga ramai yang telah tinggal parti-parti lawan ini dan ramai pula yang menyertai UMNO atau dari luar menyokong BN.

Pepatah Melayu berkata "Tak kenal maka tak cinta." Tetapi setelah berkenalan dengan dekat pula mungkin berpeluang untuk melihat rupa yang sebenar - ternampak segala bintik-bintik di muka, herotnya hidung, sepetnya mata. Maka yang cantik dari jauh, ternampak tidak begitu cantik dari dekat bahkan terlalu hodoh untuk di cinta.

Mereka yang menyertai parti lawan dan mengenali pemimpin dari dekat akan tahu bagaimana ikhlas atau tidaknya pemimpin-pemimpin ini.

Nampaknya mereka tidak begitu tertarik dengan perjuangan orang-orang ini. Kegilaan pemimpin PKR untuk jadi Perdana Menteri membuat dia sanggup membuat apa sahaja. Perjuangan Anwar ini tidak berprinsip sama sekali. Bila nampak peluang baik untuk jadi Perdana Menteri jika menyertai UMNO dengan muka tebal ia masuk UMNO. Bila dia dikeluarkan dari UMNO, kecaman dan fitnah yang dilempar kepada UMNO tidak ada batasan. Segala yang diperjuangkan bersama UMNO dahulu dikatakan buruk belaka.

Jika dahulu berlagak sebagai jaguh dalam memperjuangkan nasib orang Melayu, sekarang dengan suara yang tinggi mengancam orang Melayu kerana kononnya tidak adil kepada bukan Melayu.

Apabila ingin mendapat sokongan Amerika, maka perjuangan Yahudi dipertahankan. Amerika anggap Anwar sebagai jaguh yang berani melawan aliran di kalangan orang Islam. Tetapi apabila Anwar sedar akan kemarahan orang Islam terhadap pendiriannya, ia cuba nafi laporan berkenaannya.

Katanya kenyataan mempertahankan Israel tidak dilapor dengan betul.

Rakan Anwar juga tidak senang dengan pendiriannya bersetuju dengan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT). Mereka juga tidak bersetuju dengan pendirian Anwar bahawa kalimah Allah boleh diguna oleh siapa sahaja. Mereka tidak pernah senang dengan tuduhan liwat terhadapnya walau apa pun keputusan mahkamah.

PKR pula didapati milik keluarganya walaupun menentang nepotisme. Sebagai penasihat parti, Anwar lebih berkuasa dari Presiden parti atau sesiapa lain dari pemimpin parti. Sikapnya sama dengan sikap pemimpin di Selatan kepada Malaysia.

DAP pula mendakwa yang parti itu adalah parti berbilang kaum. Tetapi majoritinya terdiri daripada kaum Cina dan jelas sekali ia parti rasis yang berusaha supaya orang Cina benci orang Melayu. DAP menentang segala usaha untuk mengimbangi kedudukan antara kaum. DAP berhasrat untuk melihat orang Cina bukan sahaja menguasai ekonomi negara tetapi politik juga. Dalam masa depan Malaysia tidak ada tempat bagi orang Melayu yang dikatakan bukan pemilik Tanah Melayu tetapi orang Melayu juga kaum pendatang seperti orang Cina. Tunku Abdul Aziz yang terikat dengan multiracial DAP telah menyertainya. Tak lama. Apabila disedari rasisme parti itu dia pun keluar dan mendedahkan niat jahat DAP terhadap masa depan negara dan kaum-kaum lain.

Yang berbangsa Cina pun tentulah terkejut dengan DAP.

Oleh
**TUN DR.
MAHATHIR
MOHAMAD**



Pepatah Melayu berkata "Tak kenal maka tak cinta." Tetapi setelah berkenalan dengan dekat pula mungkin berpeluang untuk melihat rupa yang sebenar - ternampak segala bintik-bintik di muka, herotnya hidung, sepetnya mata. Maka yang cantik dari jauh, ternampak tidak begitu cantik dari dekat bahkan terlalu hodoh untuk cinta.

UM-14/4/2013



PERTEMUAN antara Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama orang yang pernah mahu membunuhnya, C.N Afghani serta beberapa wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ulama pondok dari Kelantan di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya baru-baru ini. C.N Afghani turut meminta maaf kepada Dr Mahathir di atas perlakuannya itu.

Tetapi mereka juga tidak senang dengan kongkongan Kit Siang yang anggap DAP adalah milik keluarganya. Mereka ini juga kecewa dan keluar dari DAP.

Syurga

Kemudian Pas - kononnya parti Islam yang dahulu begitu tegas dengan hasrat untuk mendirikan Negara Islam di mana hukum hududnya akan dilaksanakan ke atas orang Islam sahaja. Tanpa usul periksa, tanpa proses pengadilan yang mengikut lunas-lunas Islam, Pas mendakwa sesiap tidak sokong Pas tidak Islam. Mengundi Pas menentukan syurga apabila mati. Kemudian Pas mendakwa UMNO kafir kerana berkerjasama dengan orang kafir.

Apabila Pas sedar ia tidak mampu meletakkan cukup calon untuk mendirikan kerajaan walaupun menang semua, maka Pas mengadakan kerjasama dengan DAP yang dimiliki oleh orang kafir. Dengan itu kafir telah kembali kepada Pas seperti yang dijanji Allah dalam al-Quran.

Sokongan DAP dan orang bukan Islam hanya boleh didapati jika hasrat Pas untuk mendirikan negara Islam di mana hukum hudud dikuatkuasa, digugurkan. Maka dengan serta-merta, negara Islam ditukar menjadi negara kebajikan di

mana hukum hududnya tidak akan dilaksanakan. Lebih dari itu kalimah Allah dipersetujui untuk diguna oleh siapa sahaja. Perjanjian bersama DAP dan PKR untuk ini ditandatangani oleh Haji Hadi, Presiden Pas. Dari ini adalah jelas perjuangan Pas hanya untuk undi daripada siapa sahaja.

Pemimpin lama dalam Pas nampaknya kecewa. Mereka tidak dapat terima dolak dalik pemimpin tertinggi Pas sekarang. Walaupun Pas kembali kepada hasrat mendirikan negara Islam, dengan hukum hudud Pas dan kalimah Allah hanya untuk Islam, tetapi ramai pemimpin dan ahli biasa berasa pemimpin mereka tidak ikhlas, tidak berpegang kepada prinsip perjuangan dan terlalu mudah tunduk kepada parti DAP khususnya. Lagi pun mereka sedar bahawa banyak sudah kenyataan pemimpin Pas yang tidak mencerminkan keislaman mereka.

Nik Aziz berkata Tuhan mencarut, Nabi Muhammad orang kampung biasa dan menjadi Nabi hanya setelah meningkat umur 40 tahun. Justeru itu tidak perlu merayakan hari kelahiran Nabi.

Tetapi dia sendiri memotong kek hari jadinya, hadiah daripada Karpal Singh. Kenapa boleh rai hari jadinya tetapi tidak boleh merayakan hari kelahiran Nabi. Apakah Nik Aziz apabila dilahir sahaja sudah menjadi Mursyidul Am Pas?

Sekarang Nik Aziz mendakwa bahawa sambahyang orang UMNO tidak dapat pahala. Di manakah dalam al-Quran atau Hadis yang berkata bahawa seorang orang biasa boleh tentukan siapa dapat pahala, siapa tidak. Ini adalah kuasa Allah SWT. Jelas dari ini dan dari dakwaan undi Pas menentukan syurga apabila mati, bahawa Nik Aziz pemimpin Pas cuba mengambilalih kuasa Allah SWT. Bagi orang yang mengucap Dua Kalimah Syahadat dan tidak menyekutukan Allah, mereka tetap Islam walaupun melakukan dosa. Kerana mereka tetap Islam, ibadat mereka dan solat mereka akan memberi pahala kepada mereka melainkan Allah SWT menolak ibadat mereka.

Dakwaan bahawa hanya orang yang menyertai Pas atau menyokong Pas sahaja yang Islam tidak berasas sama ada dalam surah atau ayat dalam al-Quran atau mana-mana hadis yang sahih. Pas hanya bergerak di Malaysia. Terdapat 1.6 billion lagi orang Islam berada di negara lain dan tetap tidak menyertai Pas. Apakah kerana itu mereka tidak Islam. Jika mereka tidak Islam maka jumlah orang Islam di dunia ini tinggal 800,000 sahaja, semuanya ahli Pas. Orang UMNO seramai 3 juta tentulah tidak Islam kerana tidak menyertai Pas.

Keangkuhan Pas mendakwa parti itu Islam dan Islam itu Pas, menafikan keislaman ibu bapa dan nenek moyang orang Pas sendiri kerana mereka juga tidak menjadi ahli Pas. Jika Pas itu Islam, maka Nabi Muhammad pun bukan Islam. Sesungguhnya keangkuhan Pas tidak ada batasan sama sekali.

Oleh itu, ramailah ahli dan pemimpin Pas yang sudah tinggalkan Pas. Hanya yang taksud dengan Nik Aziz, Haji Hadi dan Pas sahaja yang terus menyokong Pas. Mereka ini adalah dari puak Assabiah yang buta dan tuli.

Saya yakin ramai lagi dari penyokong parti DAP, PKR dan Pas akan celik mata dan terbuka hati untuk menerima kenyataan - iaitu parti-parti lawan ini hanya diperalat oleh pemimpin mereka yang tamak, yang berjuang untuk kepentingan diri, untuk jadi Perdana Menteri, untuk jadi YAB, YB dan mendapat elau dan kuasa untuk diri mereka.

Masa sudah tiba untuk ahli-ahli parti-parti ini berpisah dari parti mereka dan kembali kepada perjuangan untuk bangsa, agama dan tanah air.